



KEMENTERIAN PERTANIAN  
DAN INDUSTRI MAKANAN

## PROTOKOL VETERINAR MALAYSIA

### PENYAKIT KUKU DAN MULUT (Foot and Mouth Disease, FMD)

No. Dokumentasi: PVM 1(9):3/2022

EDISI KETIGA

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
MALAYSIA

# **PROTOKOL VETERINAR MALAYSIA**

## **PENYAKIT KUKU DAN MULUT (Foot and Mouth Disease, FMD)**

No. Dokumentasi: PVM 1(9):3/2022

**EDISI KETIGA**

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
MALAYSIA**

## ISI KANDUNGAN

## MUKASURAT

<b>KATA-KATA ALUAN</b>	1
1.0 Pengenalan	2
2.0 Skop	3
3.0 Definisi	3
4.0 Kata Singkatan	6
<b>BAHAGIAN I: PIAWAIAN VETERINAR</b>	
1.0 Definisi Kes FMD	8
2.0 Diagnosis Penyakit FMD	9
3.0 Pengurusan Indeks Penyakit	10
4.0 Kriteria Bebas	12
<b>BAHAGIAN II : PROTOKOL PENCEGAHAN, PENGAWALAN DAN PEMBASMIAN FMD</b>	
1.0 Pengenalan	13
2.0 Dasar	13
3.0 Matlamat	13
4.0 Objektif	13
5.0 Strategi	14
<b>BAHAGIAN III: PANDUAN TINDAKAN</b>	
1.0 Pelaporan	15
2.0 Vaksinasi	15
3.0 Kawalan Import	20
4.0 Kuarantin Haiwan Import	21
5.0 Pengurusan Haiwan Semasa Wabak FMD	23
6.0 Kawalan Hasil Haiwan dari Haiwan Terjangkit	23
7.0 Disinfeksi	24

8.0	Kesiapsiagaan	24
9.0	Penguatkuasaan	25
10.0	Kempen Kesedaran Awam	27
11.0	Rekod	27
12.0	Survelan	27
<b>Sumber Rujukan</b>		29
<b>Lampiran 1 : Tanda-Tanda Klinikal Penyakit FMD</b>		30
<b>Lampiran 2 :</b>		
A.	Ringkasan Jadual Persampelan FMD untuk Ujian Diagnostik bagi Ruminan	31
B.	Ringkasan Jadual Persampelan FMD untuk Ujian Diagnostik bagi Babi	32
<b>Lampiran 3 : Pengurusan Indeks Penyakit FMD</b>		33
<b>Lampiran 4 : Kriteria Ladang Bebas</b>		34
<b>Lampiran 5 : Borang Soal Selidik Penyiasatan Penyakit/Tanda Klinikal Penyakit Kuku dan Mulut (FMD)</b>		36
<b>Lampiran 6 : Definisi Industri Kecil &amp; Sederhana (IKS)</b>		44
<b>Lampiran 7 : Borang Permohonan Vaksin / Patil Lesen Anjing</b>		45
<b>Lampiran 8 : Standard Operating Procedure (SOP): Penyembelihan Ternakan Berpenyakit Kuku dan Mulut (FMD) Secara <i>in-situ</i> di Premis Berjangkit</b>		46
<b>Lampiran 9 : Borang Pengesahan Penghapusan di Rumah Sembelih</b>		50
<b>Lampiran 10 : Borang Pemerhatian Klinikal Jawatankuasa Penyediaan Protokol</b>		51
<b>Penghargaan</b>		52

## KATA-KATA ALUAN

Penyakit Kuku dan Mulut (FMD) yang disebabkan oleh Apthovirus dari keluarga Picornaviridae boleh menjangkiti lembu, kerbau, kambing, bebiri, babi, rusa dan lain-lain haiwan kuku berbelah (*cloven-hooved*). Jangkitannya akan menyebabkan kerugian ekonomi kepada penternak. Pada tahun 2004, Sabah dan Sarawak telah diisytiharkan sebagai zon bebas Penyakit FMD oleh WOAH. Sementara kejadian FMD masih terus dilaporkan di Semenanjung Malaysia semenjak tahun 1973 hingga kini.

Penyakit FMD merupakan penyakit yang sangat mudah merebak dan boleh menyebabkan kerugian yang tinggi kepada industri ternakan. Jangkitan di kalangan ternakan tanpa imuniti boleh menjadi serius dan menyebabkan kematian di kalangan anak. Sementara jangkitan di kalangan lembu tenusu mula memberi impak ekonomi yang besar. Menyedari hakikat tersebut, semua negara akan menyekat kemasukan penyakit tersebut melalui kawalan import yang ketat. Kejadian penyakit FMD dalam sesebuah negara sering menjelaskan kestabilan ekonomi, sosial dan politiknya.

Bagi mengawal dan membasmi penyakit FMD di dalam negara, Protokol Veterinar Malaysia (PVM) ini telah menggariskan beberapa strategi penting antaranya kawalan import, kawalan pemindahan dan penyembelihan, kesiapsiagaan, vaksinasi strategik, kempen kesedaran awam dan pengesahan pembasmian. Prosedur analisis risiko akan ditingkatkan bagi mengelak kemasukan penyakit dari luar negara. Vaksinasi secara strategik digunakan untuk kawalan dan pembasmian penyakit kuku dan mulut.

Pembasmian FMD merupakan suatu komitmen jangka panjang negara. Maka setiap pihak berkuasa veterinar perlulah meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi masing-masing untuk menjalankan amanah yang diberikan ini.

Protokol Veterinar Malaysia: Penyakit Kuku dan Mulut ini menjelaskan tentang piawai, dasar, objektif, matlamat dan strategi pembasmianya. Dengan ini saya mengarahkan semua pihak untuk menjadikan Protokol Veterinar Malaysia ini bersama APTVM berkaitan sebagai panduan bagi mencapai matlamat bersama.

**YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar  
Malaysia**

## PENYAKIT KUKU DAN MULUT (FMD)

### 1.0 PENGENALAN

Penyakit Kuku dan Mulut (FMD) sangat mudah menjangkiti lembu, kerbau, kambing, bebiri, babi, rusa dan lain-lain haiwan berkuku dua. Penyakit ini disebabkan oleh Apthovirus dari keluarga *Picornaviridae*. Virus ini terdiri daripada 7 serotip iaitu O, A, C, Asia 1, South African Territory (SAT) 1, SAT 2 dan SAT 3. Vaksin untuk suatu serotip tertentu tidak melindungi ternakan dari dijangkiti oleh serotip virus yang lain.

Di Malaysia, terdapat virus FMD serotip O, A dan Asia 1. Tempoh penggeraman virus FMD ialah dari 2 hingga 14 hari. Tanda klinikal penyakit termasuklah tempang, air liur meleleh, pengeluaran susu berkurangan dengan drastik. Terdapat vesikel pada permukaan lidah, gusi, bibir, mulut, kuku dan puting susu. Apabila vesikel pecah, ia akan menjadi luka atau ulcer. Pada tahap ini, lelehan air liur yang pekat, berbuih dan banyak akan kelihatan pada mulut dan hidung. Haiwan akan menjadi tempang disebabkan ulcer pada kaki. Lesi selalunya terdapat pada celah kuku dan puting susu yang boleh mengakibatkan kerosakan kekal. Lembu akan mengalami penurunan produksi susu yang drastik, kelesuan, kurang selera makan dan demam. Infeksi yang teruk menyebabkan kuku ternakan tertanggal terutamanya bagi babi yang dipelihara atas konkrit. Kematian boleh berlaku akibat kerosakan jantung pada kumpulan anak tanpa sebarang tanda klinikal.

Penyakit FMD boleh merebak secara sentuhan langsung dengan haiwan yang berpenyakit atau tidak langsung secara sentuhan dengan rembesan atau bahan ekskresi termasuk air mani dan susu daripada haiwan terjangkit secara vektor mekanikal (contohnya manusia, haiwan, kenderaan, alatan penternakan dan rawatan, pergerakan udara atau air). Virus FMD menjangkiti haiwan secara inhalasi (penyedutan nafas), pengingesan (semasa makan atau minum), atau melalui luka terbuka dan membran mukosa pada mata, gusi dan vagina.

Selalunya FMD merebak dari satu tempat ke tempat yang lain melalui pemindahan haiwan terjangkit (sama ada haiwan yang telah atau belum menunjukkan tanda klinikal atau telah sembah). FMD juga boleh merebak melalui aktiviti pемbiakan contohnya permanian beradas dan pемbiakan secara semula jadi.

Wabak FMD boleh dicegah dengan vaksinasi. Kegagalan mencegah penyakit ini akan menyebabkan kerugian ekonomi kepada penternak.

## **2.0 SKOP**

Protokol Veterinar Malaysia bagi Penyakit Kuku dan Mulut (FMD) menggariskan piawai veterinar untuk mengesan, mencegah, mengawal, dan membasmi FMD pada gerompok haiwan rentan (mudah terdedah) terhadap jangkitan FMD. Protokol ini menetapkan dasar, matlamat, objektif dan strategi sebagai panduan untuk mengawal dan membasmi penyakit FMD.

## **3.0 DEFINISI**

### **3.1 Akuan Kebenaran Pindah (AKP)**

Dokumen veterinar yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa veterinar bagi membolehkan haiwan, hasil dan produk haiwan dipindahkan dari satu tempat ke tempat lain secara sah.

### **3.2 Akuan Kebenaran Sembelih (AKS)**

Dokumen veterinar yang mengesahkan bahawa pihak berkuasa veterinar membenarkan haiwan atau sebilangan haiwan berkenaan disembelih.

### **3.3 Biosekuriti**

Dasar dan langkah yang diambil untuk melindungi ternakan daripada ancaman biologik.

### **3.4 Dayajejak**

Keupayaan menjelaki pemindahan haiwan, hasil dan produk haiwan dalam rantaian pengeluarannya.

### **3.5 Diagnosis**

Perbuatan mengenal pasti penyakit FMD berdasarkan pemeriksaan klinikal atau ujian makmal seperti kaedah polymerase chain reaction (PCR), serologi seperti enzyme-linked immunosorbent assay (ELISA), dan pengasingan virus.

### **3.6 Gerompok**

Sekumpulan haiwan yang berkongsi kawasan ragutan yang sama atau di bawah satu pengurusan yang terletak dalam kawasan yang sama.

### **3.7 Kawasan Hotspot**

Kawasan yang berisiko tinggi untuk berlaku kes FMD. Premis yang terlibat dalam kawasan hotspot adalah seperti:

- Sekeliling 1 km dari kandang/premis trader/peniaga ternakan
- Kawasan yang pernah berlaku wabak FMD
- Kawasan sekeliling tempat penyembelihan ternakan
- Zon Penamparan FMD (*immune belt*), Perlis, Kedah, Perak (Daerah Hulu Perak) dan Kelantan

### **3.8 Arahan larangan pemindahan**

Arahan larangan pindah haiwan (haiwan rentan) dari premis terjangkit dan premis-premis lain disekelilingnya dalam lingkungan 1 km bagi satu tempoh yang ditetapkan.

### **3.9 Mukim**

Pembahagian kawasan pentadbiran dalam daerah.

### **3.10 Kampung**

Pembahagian kawasan pentadbiran dalam mukim.

### **3.11 Sera**

Cecair jernih terdiri daripada protein yang terhasil daripada proses pembekuan darah.

### **3.12 Serologi**

Ujian yang menggunakan sera bagi mengetahui status imuniti atau sistem imuniti penyakit bagi setiap haiwan.

### **3.13 Survelan**

Satu kaedah saringan penyakit yang digunakan untuk mengetahui status, taburan dan corak penyakit dalam populasi haiwan melalui persampelan, pelaporan dan penganalisan yang sistematik.

### **3.14 Haiwan Terjangkit**

Haiwan yang telah disahkan positif melalui ujian serologi atau pengesahan virus.

### **3.15 Ujian Saringan**

Ujian tapisan yang dilakukan untuk mengesan FMD di dalam gerompok haiwan.

### **3.16 Vaksin**

Bahan biologik yang diberi kepada haiwan bagi meningkatkan imuniti terhadap sesuatu penyakit.

### **3.17 Vaksinasi**

Proses memberi vaksin pada haiwan sebagai langkah mencegah sesuatu penyakit.

### **3.18 Ladang Bebas FMD**

Ladang bebas adalah ladang yang telah menerima sijil pengisytiharan bebas penyakit FMD melalui kaedah permohonan bebas penyakit. (Rujuk Lampiran 4 *Foot-and-mouth Disease (FMD) - Kriteria Permohonan Premis/Gerompok Bebas Penyakit Haiwan*).

## 4.0 KATA SINGKATAN

ADIC	- Animal Disease Information Centre
AI	- Artificial Insemination
AKP	- Akuan Kebenaran Pindah
APTVM	- Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia
BKPBV	- Bahagian Kawalan Penyakit dan Biosekuriti Veterinar
ELISA	- enzyme linked immunosorbent assay
EpiS	- Seksyen Epidemiologi Dan Survelan
FMD	- Foot-and-mouth Disease (Penyakit Kuku dan Mulut)
FMDV	- Foot-and-mouth Disease Virus
DIVA	- Differentiating Infected from Vaccinated Animal
DVS	- Jabatan Perkhidmatan Veterinar
IP	- Indeks Penyakit
JPBP	- Jawatankuasa Pengesahan Bebas Penyakit
JPJ	- Jabatan Pengangkutan Jalan
BKK	- Ketua Bahagian Kesihatan Negeri
KPPV	- Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
MAQIS	- Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia
MKAV	- Makmal Kesihatan Awam Veterinar
MVZ	- Makmal Veterinar Zon
NSP	- Non-Structural Protein
WOAH	- World Organisation for Animal Health
PBV	- Pihak Berkuasa Veterinar
PCR	- polymerase chain reaction
PDRM	- Polis DiRaja Malaysia

- PGA - Pasukan Gerakan Am
- PWL - Penyakit Wajib Lapor
- PPVD - Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah
- PPVN - Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri
- SKPHZ - Seksyen Kawalan Penyakit Haiwan dan Zoonosis
- SKV - Sijil Kesihatan Veterinar
- VB - Veterinawan Bertauliah
- VetEC - Pusat Pengembangan Veterinar (*Veterinary Extension Centre*)

## **BAHAGIAN I: PIAWAIAN VETERINAR**

### **1.0 DEFINISI KES FMD**

#### **1.1 Kes FMD**

Seekor atau lebih haiwan menunjukkan tanda-tanda klinikal FMD seperti:

- Air liur meleleh
- Terdapat vesikel dan/atau ulcer dan/atau luka pada permukaan lidah, gusi, bibir, mulut, hidung, celah kuku dan puting susu

Haiwan yang terjangkit menunjukkan tanda klinikal FMD yang dikenalpasti oleh PBV dan disahkan positif melalui ujian pengesanan antibodi ELISA FMDV NSP atau ujian PCR atau mana-mana gabungan ujian tersebut.

#### **1.2 Definisi Indeks Penyakit (IP) FMD**

Semua kes FMD yang berlaku dalam satu kawasan berukuran 1 km radius dalam tempoh 14 hari melibatkan semua spesis haiwan rentan dengan serotip virus yang sama.

#### **1.3 Indeks baharu FMD;**

- i. Berlaku kes FMD di luar 1 km radius daripada indeks sedia ada.
- ii. Berlaku kes FMD di dalam kawasan 1 km radius indeks sedia ada selepas 14 hari daripada indeks sebelumnya.
- iii. Berlaku kes FMD dari serotip berbeza dalam tempoh 14 hari di dalam kawasan 1 km radius indeks sedia ada.

## 2.0 DIAGNOSIS PENYAKIT FMD

### 2.1 Diagnosis penyakit FMD dilaksanakan dengan kaedah berikut:

#### 2.1.1 Tanda – tanda klinikal (**Lampiran 1**)

- i. Vesikel, ulcer dan luka pada hidung, mulut (lidah, gusi, bibir), kaki (celah kuku, garisan koronari) dan puting susu yang boleh membawa kepada kecacatan kekal.
- ii. Lesi-lesi di atas (i) boleh mengakibatkan lelehan air liur berbuih di mulut, mukus di hidung dan tempang serta penurunan pengeluaran susu.

#### 2.1.2 Pengasingan dan pengesanan virus

Kaedah pengasingan dan pengesanan virus FMD dijalankan pada sampel yang sesuai berdasarkan **Lampiran 2** mengikut spesis. Pengesahan virus FMD menggunakan kaedah PCR atau isolasi virus.

#### 2.1.3 Serologi

Ujian serologi NSP ELISA bagi virus FMD boleh digunakan, bagi mengesahkan haiwan dijangkiti dan/atau pernah dijangkiti virus FMD.

## 2.2 Makmal FMD Kebangsaan (MFMDK)

- 2.2.1 Makmal Veterinar Zon Timur (Kelantan) adalah sebagai Makmal Rujukan.
- 2.2.2 Semua sampel bagi tujuan pengasingan virus FMD perlu dihantar ke MFMDK, Kota Bharu kerana ujian berkaitan virus FMD hidup hanya dibenarkan untuk dilakukan di MFMDK.
- 2.2.3 Ujian serologi menggunakan kaedah NSP FMDV ELISA boleh dijalankan di Makmal Veterinar Zon yang lain dan Institut Penyelidikan Veterinar (VRI).

### **3.0 PENGURUSAN INDEKS PENYAKIT**

Indeks penyakit FMD mengikut APTVM Pengurusan Indeks Penyakit Haiwan (APTVM 16(a)(b):2/2010). ADIC akan menguruskan perubahan status Indeks Penyakit melalui laporan yang diterima dari PBV di lapangan. Rujuk **Lampiran 3**.

#### **3.1 Indeks Disyaki (IP Kelabu)**

- i. Gerompok haiwan yang menunjukkan tanda klinikal hendaklah dilaporkan sebagai indeks disyaki. Sama ada aduan daripada penternak, rumah sembelih, laporan makmal dan surveyan klinikal oleh PBV.
- ii. PBV membuat pengenalpastian dan penyiasatan di premis terlibat dan mengambil sampel untuk pengesahan penyakit FMD. Fail kes dibuka, dan pegawai kes perlu menghantar borang EpiS 01 (Disyaki) kepada ADIC dalam tempoh 24 jam setelah penyiasatan dijalankan untuk menetapkan Indeks Kelabu.

#### **3.2 Indeks Aktif (IP Merah)**

- i. Gerompok yang dikategorikan sebagai Indeks Aktif adalah:
  - a) Gerompok yang mempunyai tanda klinikal
  - b) Gerompok yang disahkan positif melalui ujian pengesan virus
  - c) Gerompok yang disyaki tetapi menunjukkan keputusan ujian makmal untuk pengesan virus adalah negatif tetapi positif ujian serologi NSP FMDV ELISA
- ii. Premis terjangkit dan premis-premis lain disekelilingnya dalam lingkungan 1 km adalah zon jangkitan (Indeks Aktif Penyakit FMD).
- iii. Penyelaras ADIC akan mengaktifkan fail IP tersebut dan menetapkan Indeks Merah.
- iv. Keputusan makmal perlu dihantar kepada ADIC sebaik diterima daripada pihak makmal.

### **3.3 Indeks Kawalan (IP Kuning)**

- i. Pegawai kes perlu menyelaras dan menjalankan langkah-langkah kawalan dan pembasmian penyakit FMD.
- ii. Pegawai kes perlu menghantar Borang EpiS 06 (Kawalan) kepada ADIC dan salin kepada KBK Negeri.
- iii. Penyelaras ADIC akan menukarkan warna indeks ke kuning.

### **3.4 Indeks Pulih (IP Hijau)**

- i. Pegawai kes perlu menyelaras dan menjalankan aktiviti surveyan aktif.
- ii. Gerompok haiwan yang tiada tanda klinikal selepas 28 hari dari tarikh kes terakhir dalam kawasan indeks penyakit FMD yang sama.
- iii. Pegawai kes perlu menghantar Borang EpiS 06 (Pulih) kepada penyelaras ADIC dan salin kepada KBK Negeri.
- iv. Penyelaras ADIC akan menukar warna indeks ke hijau.

### **3.5 Indeks Bebas (IP Putih)**

- i. Gerompok haiwan di indeks tersebut diperiksa secara fizikal dua kali berturut-turut dalam selang masa 12 bulan. Jika tiada tanda-tanda lesi FMD maka gerompok tersebut boleh memohon untuk diisyihar bebas.
- ii. Pegawai kes perlu menghantar Borang EpiS 06 (Bebas) kepada penyelaras ADIC dan salin kepada KBK Negeri.
- iii. Setelah mendapat pengiktirafan pengisytiharan bebas, penyelaras ADIC akan menukar status IP kepada warna putih. Fail kes ditutup.

## 4.0 KRITERIA BEBAS

### 4.1 LADANG BEBAS FMD

- 4.1.1 Ladang bebas mestilah menepati kriteria yang ditetapkan di dalam permohonan bebas penyakit (Rujuk **Lampiran 4**, Foot and Mouth Disease (FMD) - Kriteria Permohonan Premis (Ladang) Bebas Penyakit Haiwan).
- 4.1.2 Kemasukan haiwan baru dalam ladang bebas mestilah dari ladang, zon atau negara bebas FMD dan negatif ujian serologi NSP FMDV ELISA.
- 4.1.3 Semua haiwan berumur 3 bulan dan ke atas perlu divaksin secara teratur mengikut aturan pemvaksinan FMD.

### 4.2 PENGEKALAN STATUS LADANG BEBAS FMD

- 4.2.1 Haiwan divaksin setiap 6 bulan.
- 4.2.2 Bagi pembaharuan tahun pertama - haiwan tidak menunjukkan gejala.
- 4.2.3 Bagi pembaharuan tahun kedua – selain daripada tiada gejala, haiwan berumur setahun kebawah mestilah diuji dengan ujian serologi NSP FMDV ELISA untuk menentukan prevalensi penyakit.
- 4.2.4 Bagi pembaharuan tahun ketiga - selain daripada tiada gejala, haiwan berumur setahun kebawah mestilah negatif ujian serologi NSP FMDV ELISA.
- 4.2.5 Bagi mengekalkan status bebas. Langkah 4.2.4 diulang setiap tahun.

## **BAHAGIAN II: PROTOKOL PENCEGAHAN, PENGAWALAN DAN PEMBASMIAN FMD**

### **1.0 PENGENALAN**

Protokol ini menjelaskan dasar, objektif, matlamat dan strategi serta panduan untuk mencegah, mengawal dan membasmi penyakit FMD yang perlu dibaca bersama APTVM berkaitan. Pelaksanaannya juga bergantung kepada pengukuhan pelbagai inisiatif yang diperkenalkan. Bagaimanapun, pengolahan protokol ini telah pun mengambil kira kekangan dan keadaan yang wujud dalam negara dan jabatan. Kejayaannya nanti bergantung kepada komitmen dan profesionalisma yang berterusan seluruh anggota dan semua pihak yang berkepentingan.

### **2.0 DASAR**

FMD merupakan salah satu PWL yang diwartakan mengikut Seksyen 2 Akta Binatang 1953 (pindaan 2013). Langkah-langkah pencegahan, pengawalan dan pambasmian FMD di peringkat ladang perlu dilaksanakan bagi meningkatkan produktiviti ladang. Pelaporan adalah wajib di bawah Seksyen 31 (1) Akta Binatang 1953.

### **3.0 MATLAMAT**

Mencegah, mengawal dan membasmi kejadian penyakit FMD di dalam negara serta menghalang kemasukan penyakit dari haiwan import untuk mencapai status negara bebas FMD.

### **4.0 OBJEKTIF**

PVM FMD ini bertujuan menjadi garis panduan pencegahan, pengawalan dan pembasmian FMD

## 5.0 STRATEGI

Bagi mencegah, mengawal dan membasmi penyakit FMD, PVM ini telah menggariskan 13 strategi seperti berikut;

- i. Pelaporan
- ii. Vaksinasi
- iii. Kawalan Import
- iv. Kuarantin Haiwan Import
- v. Kawalan Pemindahan Haiwan
- vi. Kawalan Penyembelihan
- vii. Kawalan Hasil Haiwan
- viii. Disinfeksi
- ix. Kesapsiagaan
- x. Penguatkuasaan
- xi. Kempen Kesedaran Awam
- xii. Rekod
- xiii. Survelan

### **BAHAGIAN III: PANDUAN TINDAKAN**

#### **1.0 Pelaporan**

- 1.1 PPVD wajib mengesahkan aduan kejadian FMD di daerah masing-masing serta merta (sebaik aduan diterima).
- 1.2 PPVD hendaklah melantik seorang pegawai kes untuk menjalankan penyiasatan penyakit.
- 1.3 Pegawai kes wajib menghantar Borang EpiS 01 (Disyaki) kepada KBK Negeri, PPVN, ADIC serta Pengarah BKPBV dalam tempoh 24 jam selepas penyiasatan penyakit dijalankan.
- 1.4 Borang Soal Selidik Penyiasatan Penyakit/Tanda Klinikal Penyakit Kuku dan Mulut (FMD) (rujuk **Lampiran 5**) perlu dihantar kepada ADIC sebaik penyiasatan penyakit selesai.
- 1.5 Laporan ujian makmal perlu dihantar kepada ADIC ([adic@dvs.gov.my](mailto:adic@dvs.gov.my)) dengan serta merta (sebaik menerima keputusan makmal).
- 1.6 Laporan yang diterima hendaklah diuruskan mengikut APTVM: Pengurusan Indeks Penyakit Haiwan (APTVM 16(a)(b):2/2010 dan APTVM: Penyiasatan Penyakit dan Kajian Epidemiologi (APTVM 22(f):1/2011).

**Nota:** Pernakar/pemilik haiwan/orang awam yang gagal melaporkan kejadian FMD kepada pihak berkuasa veterinar akan dikenakan tindakan undang-undang di bawah Seksyen 2 Akta Binatang 1953 (Pindaan 2013).

#### **2.0 Vaksinasi**

Semua ternakan yang telah divaksin wajib mempunyai tanda pengenalan (tag telinga) bagi tujuan dayajejak.

##### **2.1 Bekalan Vaksin**

- 2.1.1 Bekalan vaksin bagi penternak kecil diselaraskan oleh SKPHZ.
- 2.1.2 Penternak yang berstatus komersial (berdasarkan definisi industri kecil & sederhana (IKS) jabatan),

hendaklah membuat perolehan vaksin yang telah diluluskan oleh jabatan bagi kegunaan ladang miliknya. Rujuk **Lampiran 6**.

- 2.1.3 Penternak babi perlu membuat perolehan vaksin yang telah diluluskan oleh jabatan bagi kegunaan ladang miliknya.
- 2.1.4 Pengimport dan pedagang haiwan hendaklah membuat perolehan vaksin yang telah diluluskan oleh jabatan bagi kegunaan premis miliknya.
- 2.1.5 Vaksin yang diselaraskan oleh SKPHZ hendaklah disimpan di dalam bank vaksin di bangunan MKAV dan boleh diambil oleh DVS Negeri dengan menggunakan Borang Permohonan Vaksin (Rujuk **Lampiran 7**).
- 2.1.6 Vaksin yang digunakan mestilah yang diluluskan oleh DVS yang mengandungi antigen FMD seperti berikut:
  - i. O<sub>1</sub> /Manisa
  - ii. O 3039
  - iii. A /May97
  - iv. Asia 1 / Shamir
- 2.1.5 DVS Negeri perlu melaksanakan pelan vaksinasi yang telah digariskan oleh SKPHZ, BKPBV bagi mencapai sasaran imuniti gerompok sekurang-kurangnya 80% di kawasan dalam strategi pemvaksinan yang ditetapkan.

## **2.2 Program Vaksinasi**

- 2.2.1 Setiap haiwan yang divaksin mestilah direkodkan.
- 2.2.2 Rekod penggunaan vaksin hendaklah disimpan mengikut APTVM: Vaksinasi (APTVM 22(b):1/2010) dan APTVM: Preskripsi Veterinar (APTVM 15(b): 2/2021).
- 2.2.3 Suntikan pertama (Primer 1, P1) diberikan kepada haiwan berumur 3 bulan ke atas. Diikuti suntikan kedua (Primer 2, P2) selepas 28 hingga 35 hari dan seterusnya dos penggalak (Booster) setiap 6 bulan seperti di bawah:

- i. Suntikan pertama - Primer 1 (P1)
- ii. Suntikan kedua - Primer 2 (P2) 28 hingga 35 hari selepas suntikan primer 1
- iii. Suntikan dos - Setiap 6 bulan
- iv. Booster

Vaksinasi	Primer/Peringkat suntikan	Selang masa
<b>Suntikan pertama (Haiwan berumur 3 bulan dan ke atas)</b>	P1	
<b>Suntikan kedua</b>	P2	28 hingga 35 hari dari suntikan pertama
<b>Suntikan dos penggalak</b>	Booster	4 hingga 6 bulan selepas suntikan kedua

## 2.3 **Strategi Program Vaksinasi**

Strategi program vaksinasi direkabentuk berdasarkan tahap risiko kejadian wabak FMD.

### 2.3.1 **Vaksinasi di kawasan Hotspot**

- i. Haiwan dalam kawasan hotspot divaksin setiap 6 bulan. Haiwan yang berumur 3 bulan ke atas atau yang belum pernah divaksin, perlu disuntik mengikut jadual di perkara 2.2.3.
- ii. Premis yang terlibat dalam kawasan hotspot adalah seperti:
  - Sekeliling 1 km dari kandang/premis trader/peniaga ternakan
  - Kawasan yang pernah berlaku wabak FMD
  - Kawasan sekeliling tempat penyembelihan ternakan


- Zon Penampan FMD (*immune belt*), Perlis, Kedah, Perak (Daerah Hulu Perak) dan Kelantan

### 2.3.2 **Vaksinasi untuk Pemindahan Haiwan**

- i. Semua haiwan yang akan dipindahkan untuk tujuan penyembelihan (hanya di Kelantan) dan pembiakan mesti menunjukkan bukti pemvaksinan semasa membuat permohonan pemindahan di dalam sistem eVetPermit.
- ii. Semua haiwan yang akan dipindah untuk tujuan pembiakan tetapi belum pernah divaksin perlu diberi suntikan vaksin FMD P1 dan P2.
- iii. Haiwan yang akan dipindah keluar dari Kelantan perlu divaksin untuk tujuan pembiakan dan penyembelihan.
- iv. Pemindahan haiwan dibenarkan selepas 14 hari haiwan disuntik P2 atau booster.

### 2.3.3 **Vaksinasi semasa berlaku wabak (Ring Vaccination)**

- i. Apabila berlaku wabak FMD, PBV perlu memplot Zon Jangkitan (1 km radius dari indeks) dan Zon Penampan (5 km radius dari sempadan Zon Jangkitan).
- ii. Lingkungan kawasan yang terlibat dengan *ring vaccination* adalah seperti di gambarajah 1 di bawah;



Gambarajah 1: Lingkungan kawasan dari IP untuk tindakan vaksinasi

Indikator	Perkara	Zon	Vaksinasi
●	Indeks Penyakit(IP)	Premis terjangkit	Hanya haiwan tidak bergejala perlu divaksin
A	Sekitar lingkungan 1 km radius dari IP	Zon Jangkitan	
B	Sekitar lingkungan 1 - 5 km radius sempadan Zon Jangkitan	Zon Penamparan	

### 2.3.4 Vaksinasi rutin

- i. Vaksinasi rutin perlu dilaksanakan bagi semua haiwan. Rujuk Perkara 2.2 Program Vaksinasi.

### 2.3.5 Vaksinasi haiwan import

- i. Rujuk protokol import terkini berdasarkan status FMD negara pengeksport.
- ii. Haiwan yang diimport dari negara bebas FMD perlu divaksin mengikut Perkara 2.2 Program Vaksinasi. Manakala haiwan yang diimport dari negara yang tidak bebas FMD perlu divaksin semasa kuarantin di negara pengeksport.

### 2.3.6 Rekod Vaksinasi FMD

- i. Setiap vaksinasi yang dijalankan perlu direkodkan di dalam rekod individu ternakan dalam premis

- ii. Bilangan vaksinasi yang dijalankan di dalam negeri yang merangkumi vaksinasi di ladang DVS dan swasta (sama ada dijalankan oleh pihak DVS atau penternak sendiri atau pihak pengurusan ladang swasta) perlu direkodkan oleh KBK dan dilaporkan ke SKPHZ, BKPBV, IPPV, Putrajaya pada atau sebelum 10hb setiap bulan.

### **3.0 Kawalan Import**

- 3.1** Analisa risiko penyakit bagi negara pengeksport dijalankan sebelum Import Protokol bagi negara tersebut disediakan. Rujuk APTVM: Analisa Risiko Import (APTVM 17(d):1/2011).
- 3.2** Haiwan yang akan diimport dari negara berstatus endemik FMD untuk pembiakan mestilah negatif ujian NSP FMDV ELISA.
- 3.3** Semua haiwan import mesti di beri tanda pengenalan dengan tag visual.
- 3.4** Kebenaran import hendaklah dibuat melalui sistem ePermit.
- 3.5** PPVN hendaklah memastikan haiwan memenuhi kriteria protokol import Malaysia bagi negara pengeksport.
- 3.6** Pemindahan haiwan dari stesen kuarantin ke destinasi terakhir perlu mematuhi Syarat Pemindahan Haiwan dan Produk antara negeri dan dalam negeri yang terkini (Rujuk Sistem eVetPermit).
- 3.7** Pengimport boleh dikenakan tindakan sekiranya haiwan didapati berpenyakit semasa tempoh kuarantin dibawah Seksyen 14 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).
- 3.8** Pengimport yang gagal mematuhi protokol import TIDAK DIPER-TIMBANGKAN mendapat kebenaran import.
- 3.9** Premis Kuarantin yang tidak mematuhi syarat yang telah ditetapkan oleh pihak MAQIS akan digantung atau dibatalkan kelulusan.

## 4.0 Kuarantin Haiwan Import

- 4.1** Kaedah pengurusan kuarantin haiwan import adalah merujuk kepada SOP Pengurusan Stesen Kuarantin terkini MAQIS.
- 4.2** Sekiranya terdapat kejadian FMD:
- i. Pihak MAQIS dan pengurus premis kuarantin swasta perlu melaporkan kepada DVS Negeri yang berhampiran. Pegawai MAQIS perlu mengisi Borang EpiS 10 untuk dihantar ke ADIC dan salinan kepada DVS Negeri dalam tempoh 24 jam.
  - ii. Pihak DVS Negeri perlu menjalankan penyiasatan penyakit serta merta (sebaik menerima aduan) dan mengisi Borang Soal Selidik Penyiasatan Penyakit (**Lampiran 5**) dan menghantar borang soal selidik tersebut kepada ADIC sebaik penyiasatan penyakit selesai dijalankan dalam tempoh 24 jam.
  - iii. Pihak DVS perlu mengambil sampel epitelium bagi haiwan yang mempunyai tanda klinikal. Sampel serum perlu diambil daripada setiap haiwan dalam gerompok terjangkit.
  - iv. Pihak MAQIS atau VB yang dilantik perlu menjalankan pemerhatian klinikal pada setiap hari menggunakan barang (**Lampiran 10**) ke atas haiwan dalam gerompok terjangkit. Tarikh tanda klinikal pertama dilihat perlu di rekod dan laporan pemerhatian klinikal harian perlu dikemaskini dan dihantar kepada DVS Negeri dan ADIC.
  - v. Semua haiwan dalam gerompok yang disahkan dijangkiti FMD (sama ada haiwan yang menunjukkan tanda klinikal FMD atau tidak) hendaklah dihapuskan melalui cara penyembelihan *in-situ* (Rujuk **Lampiran 8: Standard Operating Procedur (SOP) Penyembelihan Ternakan Berpenyakit Kuku & Mulut (FMD) Secara In-Situ Di Premis Terjangkit**) di bawah pengawasan PPVN dengan segera. Dengan ini, surat: JPV/PBS(K)/600-1/2/3Jld.4( ) bertarikh 20 Disember 2019 berkaitan penyembelihan ternakan terjangkit secara *in-situ* di premis terjangkit adalah **terbatal**. Bagi haiwan dengan tanda klinikal FMD, perlu deboned dan deglanded. Hanya daging yang telah disejukkan sekurang-kurangnya 24 jam dalam suhu 2 - 4 °C

dibenarkan untuk dipasarkan dalam mukim yang sama. Ini bagi mengurangkan risiko penyebaran virus FMD ke persekitaran dan perebakkan penyakit kepada haiwan rentan yang lain.

- vi. Bagi haiwan yang tidak menunjukkan tanda klinikal FMD, penghapusan secara sembelihan di rumah sembelih **boleh** dijalankan di bawah pengawasan pihak MAQIS. Pihak MAQIS perlu mengiringi ternakan ke rumah sembelih yang ditetapkan dan membuat pengesahan penghapusan melalui sembelihan di rumah sembelih. Pihak rumah sembelih perlu membuat pengesahan sembelihan yang dijalankan menggunakan Borang Pengesahan Penghapusan di Rumah Sembelih (Rujuk **Lampiran 9**). Bahagian kepala, hujung kaki (dari buku lali ke kuku) dan deglanded wajib dilupuskan. Hanya karkas bersih yang telah disejukkan sekurang-kurangnya 24 jam dalam suhu 2 - 4 °C dibenarkan untuk dipasarkan.
- vii. Sepanjang tempoh tahanan, pihak MAQIS perlu menjalankan pemerhatian klinikal pada setiap hari ke atas setiap ekor haiwan dalam gerompok tahanan tersebut. Setiap pemerhatian perlu di rekod pada Borang Pemerhatian Klinikal (Rujuk **Lampiran 10**). Borang tersebut perlu dikemaskini dan dihantar kepada DVS Negeri setiap hari. Pihak DVS Negeri perlu menghantar laporan penyiasatan penyakit yang lengkap dan terperinci kepada ADIC setelah selesai penghapusan gerompok tahanan.

**Nota:**

- a. *Deboned* bermaksud dibuang tuang, *deglanded* bermaksud dibuang tisu yang mempunyai nodus limfa termasuk organ viscera.
- b. Bagi penghapusan *in-situ*, PBV perlu memastikan kemudahan penyembelihan yang minima dan sesuai.

## **5.0 Pengurusan Haiwan Semasa Wabak FMD**

### **5.1 Kawalan Pemindahan**

PPVN akan mengeluarkan notis kawalan pemindahan haiwan dari zon jangkitan. Selepas 28 hari, sekiranya tiada penyakit baru dikesan, notis tersebut akan ditarik balik dan pemindahan haiwan dibenarkan.

### **5.2 Kawalan Penyembelihan**

- a.** Sepanjang tempoh wabak, ternakan dalam kawasan indeks penyakit boleh disembelih di premis yang dibenarkan oleh PPVN dan dijalankan di bawah pengawasan PBV.
- b.** Ternakan perlu diiring oleh Penguatkuasa Veterinar jika penyembelihan dijalankan di Rumah Sembelih Diluluskan atau Dilesenkan.

## **6.0 Kawalan Hasil Haiwan dari Haiwan Terjangkit**

### **6.1 Ladang tenusu**

- i. Susu dari haiwan terjangkit FMD perlu dipasteur pada suhu 60°C selama 30 minit atau 70°C - 80°C selama 10-30 saat, untuk tempoh 15 hari dari hari haiwan mula menunjukkan tanda klinikal. Susu yang telah dipasteur boleh dijual.
- ii. Semua aktiviti permanian beradas (AI) dihentikan dengan serta merta sehingga sembuh dari penyakit FMD (IP hijau).
- iii. Susu mentah dari ladang terjangkit FMD tidak dibenarkan dihantar ke Pusat Operasi VetEC

### **6.2 Rumah Sembelih**

- i. Sila pastikan tempoh penarikan (*withdrawal*) drug dipatuhi sekiranya menggunakan drug veterinar contohnya antibiotik, penahan sakit dan sebagainya.
- ii. Bagi keadaan kecemasan, haiwan terjangkit FMD dibenarkan untuk disembelih. Walaubagaimanapun

hendaklah dibuang tulang dan nodus limfa yang utama. Tulang dan nodus limfa mesti dilupuskan dengan cara yang sesuai (bakar/tanam). Penjualan daging hanya boleh dibuat dalam kawasan setempat.

- iii. Sampel epitelium mesti diambil dari haiwan terjangkit dan dihantar ke MFMDK Kota Bharu, Kelantan untuk ujian pengesahan. Pengurus rumah sembelih perlu mengenalpasti premis asal haiwan terjangkit dan melaporkan kejadian FMD kepada PPVD dan ADIC dengan mengisi Borang EpiS09. PPVD berkenaan perlu menjalankan siasatan penyakit di premis asal haiwan.

## 7.0 Disinfeksi

- 7.1 Penternak atau pengurus ladang perlu menyediakan kemudahan disinfeksi di pintu masuk ladang dan kandang.
- 7.2 Semua kenderaan terutamanya kesemua tayar dan badan kenderaan yang masuk dan keluar dari zon terjangkit termasuk Indeks Penyakit hendaklah disembur dengan disinfektan yang disarankan seperti *Lindores*, *citric acid* dan *chlorinated lime* (kapur).
- 7.3 Disinfektan yang disarankan ialah 2% sodium hydroxide, 4% sodium carbonate, 0.2% citric acid, 3% sodium hypochloride, 2% acetic acid, 1% potassium peroximonosulphate/sodium chloride dan chlorine dioxide.
- 7.4 PBV hendaklah memiliki kemudahan disinfeksi serta mematuhi amalan biosecuriti apabila mengendalikan kejadian FMD. Rujukan APTVM: Disinfeksi.

## 8.0 Kesiapsiagaan

- 8.1 APTVM: Pengurusan Krisis Penyakit Haiwan digunakan sebagai rujukan dalam menghadapi wabak FMD.
- 8.2 Ketua Bahagian Kesihatan Negeri hendaklah memastikan jabatan sentiasa bersedia dengan perkara berikut:
  - i. Draf warta perintah dan kaedah kawalan FMD tersedia untuk mendapat kelulusan Menteri Besar.
  - ii. Peruntukan kewangan.

- iii. Stok bekalan vaksin yang mencukupi.
- iv. Sumber tenaga manusia yang mencukupi dan terlatih.
- v. Kenderaan yang mencukupi.
- vi. Bekalan peralatan dan bahan yang diperlukan.

## **9.0 Penguatkuasaan**

- 9.1** Bahagian Penguatkuasa hendaklah menyelaras tindakan penguatkuasaan dengan PPVN.
- 9.2** Menyediakan keperluan untuk melaksanakan kerja penguatkuasaan.
- 9.3** Membantu PBV untuk meningkatkan kefahaman keperluan undang-undang dalam kawalan penyakit.
- 9.4** Mengadakan perbincangan dengan PGA, Kastam dan Anti-Penyeludupan mengenai kawalan masuk haiwan di setiap pintu masuk dan sempadan negara sekurang-kurangnya dua kali setahun bagi negeri-negeri bersempadan dengan negara lain seperti Thailand.
- 9.5** Menjalinkan kerjasama bersama JPJ dan PDRM dengan melaksanakan sekatan jalan raya bagi menyekat penyeludupan haiwan tanpa dokumen sah seperti permit pemindahan dan sijil kesihatan veterinar terutamanya pada musim perayaan.
- 9.6** Menjalankan rondaan dan pemeriksaan pematuhan kepada peraturan kebenaran kuarantin, pemindahan dan sembelih.
- 9.7** Sekiranya terdapat kejadian FMD semasa pemantauan oleh pegawai penguatkuasa atau sepanjang dalam tempoh tahanan:
  - i. Pihak penguatkuasa perlu membuat aduan kejadian FMD kepada DVS Negeri.
  - ii. Pihak DVS Negeri perlu menjalankan penyiasatan penyakit serta merta (sebaik menerima aduan). Laporan EpiS 01 perlu dihantar ke ADIC dalam tempoh 24 jam selepas penyiasatan dijalankan. Bagi haiwan yang mempunyai tanda klinikal,

sampel epitelium perlu diambil. Sampel serum perlu diambil bagi setiap haiwan dalam gerompok terjangkit. Sampel perlu dihantar ke makmal untuk diuji dalam tempoh 48 jam. Keputusan makmal perlu dilaporkan kepada ADIC sebaik diterima.

- iii. Semua haiwan dalam gerompok yang disahkan dijangkiti FMD (sama ada haiwan yang menunjukkan tanda klinikal FMD atau tidak) boleh dihapuskan melalui cara penyembelihan *in-situ* di bawah pengawasan PPVN dengan segera. Sepanjang tempoh wabak, ternakan dalam kawasan indeks penyakit boleh disembelih di premis yang dibenarkan oleh PPVN dan dijalankan di bawah pengawasan PBV. Ternakan perlu diiring oleh Penguatkuasa Veterinar jika penyembelihan dijalankan di Rumah Sembelih Diluluskan atau Dilesenkan.
- iv. Pihak DVS Negeri perlu menyediakan bahan makanan yang secukupnya sehingga selesai penghapusan gerompok tahanan dijangkiti FMD.
- v. Selama haiwan dalam tahanan, pihak penguatkuasa bertanggungjawab untuk:
  - a) Menjaga kebijakan haiwan.
  - b) Menjalankan pemerhatian klinikal pada setiap hari ke atas setiap ekor haiwan tahanan dalam gerompok tahanan tersebut. Setiap pemerhatian perlu direkod pada Borang Pemerhatian Klinikal. Borang Pemerhatian Klinikal (rujuk Lampiran 10). Pihak DVS Negeri perlu menghantar laporan lengkap dan terperinci kepada ADIC setelah selesai penghapusan gerompok tahanan.
- vi. Borang Soal Selidik Penyiasatan Penyakit perlu dihantar kepada ADIC sebaik penyiasatan penyakit selesai.

**Nota:**

- a) Haiwan yang disembelih *in-situ* .(dalam kawasan tahanan) atau Rumah Sembelih, perlu dibuang tulang dan nodus limfa. Hanya daging dibenarkan untuk dijual dan dimakan dalam mukim yang sama.

- b) Bagi penghapusan *in-situ*, PPVN perlu memastikan kemudahan penyembelihan yang minima dan sesuai.

## 10.0 Kempen Kesedaran Awam

- 10.1 PBV hendaklah memastikan pemilik premis terjangkit diberi khidmat nasihat berkenaan penyakit FMD seperti punca, risiko dan kesan penyakit FMD pada haiwan dan sosioekonomi. Langkah-langkah pencegahan dan kawalan juga dimaklumkan.
- 10.2 DVS hendaklah merangka pelan tahunan dan melaksana Kempen Kesedaran Awam untuk FMD seperti yang disarankan di dalam APTVM: Khidmat Nasihat, Kempen Kesedaran Awam dan Pengembangan Veterinar.

## 11.0 Rekod

- 11.1 DVS Negeri hendaklah menyimpan semua rekod yang berkaitan seperti vaksinasi, tanda pengenalan, indeks penyakit FMD, ladang bebas, surveyan dan lain-lain yang berkaitan.
- 11.2 ADIC menerima laporan program kawalan penyakit FMD dari DVS negeri dan menyimpan rekod tersebut.
- 11.3 Pernak juga perlu menyimpan rekod pengurusan haiwan seperti rekod pemvaksinan, kematian, keguguran, tanda pengenalan, program rawatan dan lain-lain.
- 11.4 Fail kes perlu dikemaskini dengan helaian-helaian kes agar aktiviti kawalan penyakit di premis tersebut mudah dirujuk untuk tindakan susulan

## 12.0 Surveyan

### 12.1 Surveyan Aktif

